

MICROFERT & MICROFERT PRO



Rangkaian produk Microfert dirumus khas melalui penguraian penuh bahan organik di mana patogen berbahaya disingkirkan, kemudian diperkaya dengan mikrob berfaedah, unsur surih dan asid amino untuk memberikan khasiat terbaik untuk keperluan tumbuhan anda.

Microfert sesuai untuk pertumbuhan tanaman dan peningkatan hasil. Selain itu, ia mengekalkan kelembapan dan nutrien tanah. Manakala, Microfert Pro ialah produk pengkomposan termaju dengan penggalak tambahan seperti *Trichoderma* sp., *Bacillus subtilis* sp. dan *Streptomyces* untuk mengatasi secara khusus pelbagai jenis penyakit tumbuhan terutamanya yang berkaitan dengan kulat.

Pada masa yang sama, mikroorganisma ini adalah penggalak pertumbuhan tumbuhan yang serba boleh dan agen kawalan bio. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa kehadiran *Bacillus* sp. dan *Trichoderma* sp. meningkatkan keberkesanan, kestabilan dan keseragaman mikrob dengan ketara terhadap perlindungan penyakit tumbuhan dan pertumbuhan di bawah pelbagai persekitaran dan keadaan tanah. (Stockwell et. al., 2011)

Contoh penyakit tumbuhan seperti Fusarium Wilt - Penyakit Panama (Pisang), Penyakit reput pangkal basal (Kelapa Sawit), Penyakit Akar Putih (Getah) dan lain-lain.

Produk ini paling sesuai digunakan untuk pelbagai tanaman terutamanya kelapa sawit, pisang, durian, getah, sayur-sayuran dan buah-buahan.



AMALAN PERTANIAN BAIK



Ciri-ciri Produk	Asas Permulaan	Nutrient Tambahan
100% bahan organik berasaskan tumbuhan	✓	✓
Unsur Surih	✓	✓
Asid amino	✓	✓
Bakteria penggalak pertumbuhan tanaman (PGPR)	✓	✓
Ejen kawalan bio	✗	✓
Meningkatkan ketersediaan nutrien dan penyerapan air	✓	✓
Memperbaiki sifat fizikal dan biologi tanah	✓	✓
Meningkatkan perkembangan pertumbuhan akar	✓	✓
Meningkatkan percambahan dan menyokong pertumbuhan awal	✓	✓
Melindungi tanaman daripada penyakit	✗	✓
Meningkatkan toleransi tanaman terhadap tekanan.	✓	✓
Sesuai untuk peringkat awal penanaman	✓	✓

APA YANG MEMBUAT KOMPOS YANG BAIK?

Saiz zarah
<25mm

EC 2 - 4 dS/m

Bahan Organik
50 - 60%

Penambahan EM
yang sangat berfungsi



Penguraian
Lengkap

Nisbah C/N
10-20%

pH 5.5 - 7.5

Kandungan
Kelembapan
25%-30%


BAGAIMANA MENINGKATKAN KADAR PERCAMBAHAN DAN PEMINDAHAN ANAK POKOK?

Untuk menentukan percambahan biji benih dengan menggunakan formulasi tanah organik yang berbeza. Setiap rawatan terdiri daripada 25 gram untuk satu lubang dengan jumlah 45 lubang tanaman. Tanaman disiram tiga kali sehari dan diperhatikan selama 7 hari. Pemerhatian dan kadar percambahan direkodkan dalam gambar seperti di bawah:

PRODUK A



PRODUK A



MICROFERT



Jumlah lubang tanaman: 45
Jumlah percambahan biji benih: 43

Kadar percambahan: 95.56%

Jumlah lubang tanaman: 45
Jumlah percambahan biji benih: 36

Kadar percambahan: 80%

Jumlah lubang tanaman: 45
Jumlah percambahan biji benih: 45

Kadar percambahan: 100%

KAEDAH PENGGUNAAN

- Penggunaan dalam lubang tanam/tanah basah semasa pemindahan untuk menggalakkan pengakaran pada tanaman
- Gunakan pada tanah yang lembap untuk penyerapan nutrien yang berkesan.
- Boleh digunakan sepanjang keseluruhan kitaran tanam (terutama semasa pertumbuhan vegetatif dan berbunga)
- Sesuai digunakan pada musim hujan bagi mengawal kemunculan penyakit pada tanaman.



KADAR & KAEDAH APLIKASI

Baja boleh digunakan sebagai bahan asas atau nutrien tambahan.

TANAMAN	KADAR APLIKASI	KAEDAH APLIKASI
Sayur-sayuran	250 g / m ²	Aplikasi semasa membajak
Buah-buahan	750 g - 1 kg (Belum matang)	Aplikasi dalam lubang penanaman (Satu pusingan sebulan)
	3.0 - 5.0 kg / plant (Matang)	Aplikasi dalam lubang penanaman (Satu pusingan sebulan)
Kelapa Sawit	1 kg / plant (Belum matang)	Aplikasi dalam lubang penanaman
	3.0 - 5.0 kg / plant (Matang)	Aplikasi di sekeliling bulatan kelapa sawit

Jumlah penggunaan mengikut faktor yang berbeza seperti jenis tanah, kesuburan dan jenis tanaman.

DIKELUARKAN OLEH :

ALL COSMOS INDUSTRIES SDN BHD (Co. No. 1999901012974)
Plo 650, Jln. Keluli 7, pasir Gudang Industrial estate,
81700 Pasir Gudang, Johor.

Tel: 07-2523788
Fax: 07-2512588

Email: sales_marketing@allcosmos.com
Web: www.allcosmos.com